

04/02/1998

Ahli parti dinasihat patuhi arahan pemimpin

KOTA BHARU, Selasa - Ahli Umno dinasihatkan mematuhi setiap arahan pucuk pimpinan parti dan mengelak daripada bersikap terlalu emosional dalam menghadapi mesyuarat peringkat cawangan serta bahagian pada 12 hingga 29 Mac ini.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Ibrahim Ali, berkata semangat perpaduan di kalangan ahli parti sewajarnya dijadikan senjata untuk membina keyakinan dan membentuk kekuatan Umno, terutama dalam usaha merampas Kelantan daripada Pas.

Sehubungan itu, beliau menggesa ahli Umno yang berhasrat merebut jawatan tertinggi bahagian masing-masing agar melupakan niat itu demi kepentingan parti.

"Kita perlu bertenang dan tidak boleh terlalu emosional atau memikirkan kepentingan diri semata-mata kerana sebarang perebutan jawatan hanya akan lebih mengeruhkan keadaan.

"Malah, keputusan yang diumumkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini berhubung jawatan ketua bahagian tidak boleh dicabar dibuat selepas perbincangan terperinci di peringkat tertinggi," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau diminta mengulas berhubung ura-ura perebutan jawatan ketua di beberapa bahagian di Kelantan, sekali gus mengingkari arahan Dr Mahathir.

Ibrahim yang juga Ketua Umno Bahagian Pasir Mas, berkata musyawarah adalah jalan terbaik bagi mengelakkan berlakunya perebutan jawatan.

Menurutnya, beliau selaku MT dan ketua bahagian menekankan aspek perbincangan.

(END)